| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Galakan menjaga keindahan hutan | | |
| MediaTitle | Kosmo | | |
| Date | 10 Apr 2015 | Color | Full Color |
| Section | Kosmo 2 | Circulation | 218,251 |
| Page No | 32,33 | Readership | 654,753 |
| Language | Malay | ArticleSize | 1411 cm² |
| Journalist | TAUFIK SALIMIN | AdValue | RM 18,090 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 54,269 |





kandid

# Galakan menjaga keindahan hutan

Suasana di FRIM, Taman Botani Kepong, Selangor gamat dengan gelagat peserta termasuk kanak-kanak yang tidak mahu melepaskan peluang menyertai aktiviti Hari Hutan.

Oleh TAUFIK SALIMIN
taufik.salimin@kosmo.com.my

SUASANA di Institut Kajian Hutan Malaysia (FRIM), Taman Botani Kepong, Selangor pada pagi itu cukup meriah. Ia dipenuhi dengan kehadiran ramai orang awam yang mahu beriadah dan menyertai aktiviti Hari Hutan.

Kesempatan cuti hujung minggu dimanfaatkan sepenuhnya segelintir warga kota dengan menyertai pelbagai acara menarik yang disediakan pihak penganjur.

Seawal pukul 9 pagi, masing-masing sudah mendaftarkan diri dan bersedia untuk menyertai setiap acara.

Suasana gamat dan riuh rendah dimeriahkan lagi dengan kicauan burung yang seakan-akan menyambut kehadiran tetamu.

Biarpun cuaca panas, ia langsung tidak mematahkan semangat para peserta sebaliknya dilihat selesa bermandi peluh.

Sekurang-kurangnya dapat menambah tenaga selepas penat bekerja sepanjang minggu.

Turut mencuri tumpuan adalah sekumpulan anak-anak kecil yang cukup semangat dengan peralatan menanam pokok sambil ditemani ibu bapa masing-masing.

CHARAVEUS

FAZILAH

JUDIKA

Seorang peserta, Judika Jani, 22, berkata, kesempatan cuti hujung minggu dan tiada kelas membolehkan dia dan rakan-rakannya menyertai aktiviti Hari Hutan FRIM bagi mencari pengalaman sambil mengenali tempat tersebut.

"Ini pertama kali saya datang ke FRIM dan saya tidak mahu melepaskan peluang menyertai aktiviti yang disediakan.

"Sebagai seorang pencinta hutan, aktiviti seperti ini sangat berfaedah kerana dapat membantu membersihkan kawasan persekitaran dan memelihara keindahan alam semula jadi tempat ini," katanya.

## Alam sekitar

Bagi Charaveus Maigol, 22, aktiviti Hari Hutan FRIM yang dianjurkan itu dapat memberikan pendedahan kepada masyarakat mengenai kepentingan menjaga alam sekitar.

"Saya rasa, semakin ramai orang mengabaikan pemeliharaan hutan sehingga sanggup menarah hutan menjadi kawasan lapang.

"Sedangkan, semua orang tahu bahawa hutan sebenarnya sangat penting dan berkait rapat dengan kehidupan manusia," jelasnya.

Sementara itu, Fazilah Ismail, 23, berazam untuk terus membantu memelihara, membersih dan menjaga hutan jika ada pihak yang akan menganjurkan program seperti ini.

"Pada pendapat saya, program seperti ini sangat bagus kerana ia memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan menjaga hutan.

"Saya memberi sokongan penuh kepada mana-mana pihak yang ingin menganjurkan aktiviti menjaga keindahan hutan kerana ia adalah satu peluang untuk masyarakat berbakti dengan alam," jelasnya.

ANAK-ANAK kecil turut bersemangat untuk menanam pokok sambil ditemani ibu bapa masing-masing.

SEMUA peserta bergambar kenangan sebelum memulakan acara Hari Hutan.

KAKITANGAN FRIM menyertai para peserta untuk menanam kira-kira 100 batang pokok buluh di Taman Botani Kepong.

AKSI menarik para peserta ketika menyertai acara yang dianjurkan sempena Hari Hutan FRIM.

PARA peserta menyertai aktiviti memenuhkan bekas saluran air bagi mengeluarkan sebiji bola.

ADIK cilik, Elaine Yih Wei kelihatan gembira ketika menanam pokok meskipun berada di bawah terik matahari.

KAKITANGAN FRIM dan para pelajar Sekolah Menengah Bukit Bandaraya, Kuala Lumpur giat membersihkan sungai.

SEKUMPULAN pelajar berusaha memenuhkan saliran dengan air untuk mengeluarkan sebiji bola.

Powered by: iSENTIA